

07 JAN 1999

Rahim-Jawatan

RAHIM LETAK JAWATAN, BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA TERHADAP KECEDEeraan ANWAR

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Tan Sri Abdul Rahim Noor hari ini mengumumkan meletakkan jawatan sebagai Ketua Polis Negara berkuatkuasa esok, mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan yang dialami bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis.

Dalam satu kenyataan tiga perenggan, Abdul Rahim berkata beliau membuat keputusan itu berikutan kenyataan akhbar Peguam Negara pada 5 Jan mengenai siasatan polis terhadap kecederaan Anwar yang menyatakan bahawa Polis Diraja Malaysia bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan berkenaan semasa Anwar dalam tahanan sah polis.

Katanya: "Saya, sebagai Ketua Polis Negara, Polis Diraja Malaysia, mengambil tanggungjawab penuh di atas perkara-perkara yang dirujukkan itu.

"Oleh yang demikian saya telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan saya sebagai Ketua Polis Negara berkuatkuasa esok 8 Jan 1999."

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah berkata pada Selasa beliau berpuashati bahawa kecederaan di bahagian tertentu tubuh badan Anwar terbukti disebabkan oleh anggota-anggota polis semasa beliau dalam tahanan polis.

Bagaimanapun, katanya siasatan yang dijalankan oleh Pasukan Penyiasat Khas belum mengenalpasti siapa yang bertanggungjawab di atas kecederaan berkenaan.

Beliau telah mengarahkan pasukan itu supaya melengkapkan penyiasatan mereka dengan merakamkan pernyataan-pernyataan daripada sembilan pegawai kanan polis.

Mereka termasuk Abdul Rahim, timbalannya Tan Sri Norian Mai, Datuk Mohd Ghazali Yacub (Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam), Datuk Yaacob Mohd Amin (Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman) dan Datuk Meor Chek Hussien Mahayuddin (Komander Pasukan Gerakan Khas, Bukit Aman).

Fail siasatan polis mengandungi antara lain pernyataan-pernyataan yang dirakamkan di bawah seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah daripada 67 orang saksi iaitu Anwar, tiga orang doktor yang telah memeriksa Anwar dan 63 orang anggota polis yang terlibat dalam operasi penangkapan beliau di rumahnya serta penahanannya di Bukit Aman.

Anwar ditahan pada 20 Sept selepas mengetuai satu perhimpunan haram dan demonstrasi oleh para penyokongnya di ibu negara.

Semasa dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 29 Sept, Anwar muncul dengan sebelah matanya lebam dan beliau mendakwa dipukul sehingga tidak sedarkan diri pada malam pertama beliau ditahan.

Satu Pasukan Penyiasat Khas telah dibentuk diketuai (ketika itu Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Melaka) SAC II Mat Zain Ibrahim untuk menyiasat dakwaan itu. Mat Zain kini merupakan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur.

Berikutan kenyataan Mohtar itu pelbagai kumpulan menyuarakan rasa tidak puashati mereka mengenai kelembapan siasatan itu dan menggesa satu badan bebas ditubuhkan untuk menyiasat kecederaan yang dialami Anwar semasa dalam tahanan.

Ada di antara mereka turut menggesa peletakan jawatan Peguam Negara dan Abdul Rahim.

Sebagai menjawab gesaan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata kerajaan sedia menimbang untuk menubuhkan sebuah

suruhanjaya bebas untuk menjalankan siasatan lanjut berhubung kecederaan Anwar itu.

Dr Mahathir berkata beliau difahamkan masih banyak soalan yang perlu ditanya kepada pegawai-pegawai kanan polis dan oleh itu penyiasatan masih belum lengkap.

Sementara itu, para pemberita berkhemah di luar rumah Abdul Rahim di Taman Tun Dr Ismail, Damansara dengan harapan untuk mendapatkan kenyataan lanjut daripada beliau.

Beberapa pegawai polis dilihat memasuki rumah itu.

Norian semasa dihubungi enggan mengulas peletakan jawatan Abdul Rahim dan kedudukan beliau sendiri (Norian) sama ada akan dilantik sebagai Ketua Polis Negara yang baru.

-- BERNAMA

TM RON